

# TomTom Golfer 2 Manual Pengguna

2.0

**TOMTOM** 

# Kandungan

|   |           |
|---|-----------|
| <b>Selamat datang</b>                                     | <b>4</b>  |
| <hr/>   |           |
| <b>Bermula</b>  | <b>5</b>  |
| <hr/>   |           |
| <b>Jam tangan anda</b>                                    | <b>7</b>  |
| <hr/>   |           |
| Perihal jam tangan anda .....                             | 7         |
| Membersihkan jam tangan anda .....                        | 8         |
| Menggunakan dok USB .....                                 | 8         |
| Status jam tangan .....                                   | 8         |
| Melakukan set semula .....                                | 9         |
| <hr/>   |           |
| <b>Bermain satu pusingan golf</b>                         | <b>11</b> |
| <hr/>   |           |
| Mula Pantas: Memukul lubang pertama .....                 | 11        |
| Memilih balapan.....                                      | 12        |
| Mengemas kini maklumat balapan golf .....                 | 12        |
| Menjeda, menghentikan dan meneruskan pusingan .....       | 13        |
| Melaporkan perubahan balapan .....                        | 14        |
| <hr/>   |           |
| <b>Jejak liku</b>   | <b>15</b> |
| <hr/>   |           |
| Memahami jejak liku pada jam tangan anda .....            | 15        |
| <hr/>   |           |
| <b>Membuat pukulan layup</b>                              | <b>17</b> |
| <hr/>   |           |
| Membuat pukulan layup menggunakan jam tangan anda.....    | 17        |
| Layup dan pandangan hijau.....                            | 18        |
| <hr/>   |           |
| <b>Mendekati kawasan hijau</b>                            | <b>19</b> |
| <hr/>   |           |
| Mendekati kawasan hijau menggunakan jam tangan anda ..... | 19        |
| Layup dan pandangan hijau.....                            | 19        |
| <hr/>   |           |
| <b>Halangan</b>   | <b>21</b> |
| <hr/>   |           |
| Memahami halangan pada jam tangan anda .....              | 21        |
| Menzum ke dalam halangan.....                             | 22        |
| <hr/>   |           |
| <b>Mencatatkan skor</b>                                   | <b>24</b> |
| <hr/>   |           |
| Mencatatkan skor menggunakan jam tangan anda.....         | 24        |
| Melihat skor sebelumnya .....                             | 25        |
| <hr/>   |           |
| <b>Pengesanan pukulan auto</b>                            | <b>26</b> |
| <hr/>   |           |
| Perihal pengesanan pukulan auto.....                      | 26        |
| Mencatatkan pukulan secara manual.....                    | 26        |

|  |           |
|--|-----------|
| <b>Tetapan</b>                             | <b>28</b> |
| Perihal tetapan.....                       | 28        |
| Perihal .....                              | 28        |
| Jam .....                                  | 28        |
| Telefon .....                              | 29        |
| Mod penerbangan .....                      | 31        |
| Pilihan .....                              | 31        |
| Profil .....                               | 32        |
| Standard .....                             | 32        |
| <b>Akaun TomTom MySports</b>               | <b>33</b> |
| <b>Aplikasi mudah alih TomTom MySports</b> | <b>34</b> |
| <b>TomTom MySports Connect</b>             | <b>36</b> |
| <b>Glosari Istilah</b>                     | <b>37</b> |
| <b>Tambahan</b>                            | <b>39</b> |
| <b>Notis hak cipta</b>                     | <b>43</b> |

# Selamat datang

---

Manual Pengguna ini menjelaskan semua perkara yang perlu anda tahu tentang jam tangan TomTom Golfer 2. TomTom Golfer 2 anda boleh digunakan untuk permainan pukulan biasa yang juga dikenali sebagai permainan medal.

Jika anda mahu membaca perkara yang penting dengan cepat, kami mengesyorkan anda membaca bahagian [Bermula](#). Ini meliputi maklumat tentang memuat turun TomTom MySports Connect dan menggunakan dok meja USB.

Selepas itu, jika anda mempunyai telefon pintar, anda boleh memuat turun aplikasi TomTom MySports secara percuma daripada App Store anda atau pergi ke [tomtom.com/app](https://tomtom.com/app).

Untuk mendapatkan maklumat tentang perkara yang akan anda lihat pada jam tangan dan cara penggunaannya, anda boleh merujuk panduan untuk bermula yang berguna berikut:

- [Perihal jam tangan anda](#)
- [Mula Pantas: Memukul lubang pertama](#)
- [Tetapan](#)

**Petua:** Terdapat juga soalan lazim (FAQ) di [tomtom.com/support](https://tomtom.com/support). Pilih model produk anda daripada senarai atau masukkan istilah carian.

Semoga anda menikmati pembacaan tentang dan, yang paling penting, penggunaan TomTom Golfer 2 baru anda!

# Bermula

---

Sebelum anda mula bermain golf, anda digalakkan untuk mengemas jam tangan anda, memuat turun aplikasi TomTom MySports untuk telefon pintar anda dan TomTom MySports Connect untuk komputer desktop atau komputer riba anda.

**Petua:** Anda boleh mengemas kini balapan golf dan mendapatkan kemas kini perisian menggunakan MySports Connect.

1. Muat turun dan pasang [aplikasi mudah alih TomTom MySports](https://tomtom.com/app) pada telefon anda daripada [tomtom.com/app](https://tomtom.com/app).
2. Muat turun aplikasi desktop [TomTom MySports Connect](https://tomtom.com/123/) daripada [tomtom.com/123/](https://tomtom.com/123/). Pasangkan TomTom MySports Connect pada komputer anda. TomTom MySports Connect tersedia secara percuma.
3. Letakkan jam tangan anda ke dalam [dok USB](#) dan sambungkan dok pada komputer anda. Ikut arahan yang diberikan oleh TomTom MySports Connect kepada anda.



Selepas jam tangan anda dicas, anda boleh [memukul lubang pertama](#).

**Petua:** Jam tangan anda dicas sepenuhnya apabila animasi bateri berhenti bergerak dan menunjukkan bateri penuh.

Anda harus menyambungkan jam tangan anda pada komputer dengan kerap untuk mengemasnya, mengemas kini maklumat balapan golf, memuat turun kemas kini perisian dan memuat turun maklumat QuickGPSfix.

---

**Penting:** Anda boleh juga menggunakan sebarang pengecas dinding USB untuk mengemas TomTom Golfer 2 anda. Letakkan jam tangan anda di dalam dok USB kemudian sambungkan penyambung USB dari dok USB pada pengecas dinding USB anda.

---

## Hayat bateri

Apabila bateri dicas sepenuhnya, jam tangan anda boleh digunakan untuk tempoh permainan golf sehingga 10 jam. Penggunaan bateri akan meningkat jika anda menggunakan [cahaya belakang](#) pada jam tangan anda dengan kerap.

**Petua:** Jam tangan anda akan menunjukkan simbol bateri lemah jika kuasa bateri tidak mencukupi untuk pusingan golf yang lengkap (4 jam). Simbol bateri lemah dengan garis lorek bermaksud anda perlu mengemas jam tangan anda dengan segera.

### **Aplikasi TomTom MySports**

Anda boleh memuat turun aplikasi TomTom MySports secara percuma daripada App Store anda atau dengan pergi ke [tomtom.com/app](http://tomtom.com/app).

Untuk mengetahui lebih lanjut, pergi ke [Aplikasi mudah alih TomTom MySports](#) dalam panduan ini.

### **Membuat jam tangan anda berpasangan dengan telefon anda**

Untuk mengetahui lebih lanjut, pergi ke [Telefon](#) dalam panduan ini.

# Jam tangan anda

---

## Perihal jam tangan anda

Apabila anda menggunakan jam tangan, anda bermula daripada skrin Jam. Skrin ini menunjukkan [masa dan tarikh](#). Angka jam ditunjukkan malap sedikit dan minit ditunjukkan dengan lebih cerah supaya anda boleh melihat masa yang tepat dengan lebih jelas.

Gunakan butang untuk bergerak ke Atas, ke Bawah, ke Kiri atau ke Kanan skrin lain pada jam tangan anda.



1. Gerak Ke Bawah - membuka menu [Tetapan](#).
2. Gerak Ke Kanan - membuka menu [Balapan golf](#).
3. Gerak Ke Atas - membuka skrin [Sejarah kad skor](#).
4. Tutup skrin dengan tangan anda untuk menghidupkan cahaya belakang.

Skrin Jam menunjukkan masa dan tarikh. Anda boleh memilih untuk menunjukkan masa dalam format 12 jam atau 24 jam dengan bergerak ke bawah untuk membuka menu [Tetapan](#), kemudian memilih **Jam**.

## Menggunakan jam tangan anda

**Petua:** Untuk mendapatkan prestasi terbaik, pakai jam tangan anda pada pergelangan kiri anda jika anda bermain dengan tangan kanan dan sebaliknya.

Gerak ke Atas atau Bawah untuk memilih item dalam menu.

Gerak Ke Kanan untuk memilih item dan membuka menu bagi item tersebut.

Gerak ke Kiri untuk keluar dari menu.

Untuk memilih pilihan dalam menu, pastikan ia diserlahkan apabila anda meninggalkan menu. Jam tangan anda mengingati pilihan yang anda serlahkan.

Jika pilihan dalam menu adalah bertukar antara hidup dan mati, gerak ke Kanan untuk menukar tetapan.

## Membersihkan jam tangan anda


Anda disyorkan agar membersihkan jam tangan anda seminggu sekali jika anda menggunakannya dengan kerap.

- Lap jam tangan dengan kain lembap jika perlu. Gunakan sabun yang lembut untuk menghilangkan minyak atau kotoran.
- Jangan dedahkan jam tangan anda kepada bahan kimia yang kuat seperti petrol, pelarut pembersihan, aseton, alkohol atau penghalau serangga. Bahan kimia boleh merosakkan pengedap, bekas dan kemasan jam tangan.
- Tali pengikat tidak harus dibiarkan di sebelah radiator atau pancaran matahari langsung.

## Menggunakan dok USB

Anda boleh menggunakan dok meja USB apabila jam tangan anda dipasangkan pada tali pengikat atau anda boleh menanggalkan jam tangan anda dari tali pengikat terlebih dahulu.

Untuk menanggalkan jam tangan dari tali pengikat, pegang jam tangan anda dengan kedua-dua tangan, letakkan ibu jari anda pada butang besar dan jari telunjuk anda pada pinggir belakang bingkai jam tangan dan tekan ibu jari anda ke bawah pada butang besar sehingga jam tangan keluar dari bingkai.



Untuk meletakkan jam tangan anda ke dalam dok USB, lungsur jam tangan ke dalam dok dengan mengikuti lengkungan bahagian belakang jam tangan sehingga jam tangan muat ke dalamnya.

Untuk menanggalkan jam tangan anda dari dok USB, tolak bahagian bawah skrin jam tangan. Jam tangan akan keluar dengan mengikuti lengkungan bahagian belakang jam tangan. Jangan cabut jam tangan dari bahagian atas kerana tindakan ini akan merosakkan dok USB.

---

**Penting:** Anda boleh juga menggunakan sebarang pengecas dinding USB untuk mengecas TomTom Golfer 2 anda. Letakkan jam tangan anda di dalam dok USB kemudian sambungkan penyambung USB dari dok USB pada pengecas dinding USB anda.

---

## Status jam tangan

Daripada skrin Jam, gerak ke Bawah untuk membuka **Tetapan** kemudian pilih **Perihal** untuk melihat skrin Status Jam Tangan.

Skrin status akan menunjukkan maklumat berikut:

- **Bateri** - baki kuasa bateri jam tangan anda.



Untuk mengecbas bateri, letakkan jam tangan anda dalam dok meja dan sambungkan dok pada komputer anda.

- **Storan** - baki storan dalam jam tangan anda. Anda akan menerima amaran jika anda kekurangan ruang untuk menyimpan skor golf. Untuk membebaskan ruang, [segerakkan](#) jam tangan anda dengan telefon anda secara kerap.
- **QuickGPS** - status maklumat QuickGPSfix pada jam tangan anda.

QuickGPSfix membantu jam tangan anda mencari lokasi yang tepat dengan cepat supaya anda boleh memulakan pusingan golf anda. Untuk mengemas kini maklumat QuickGPSFix pada jam tangan anda, sambungkan jam tangan anda pada komputer anda atau gunakan aplikasi MySports. TomTom MySports Connect mengemas kini QuickGPSfix pada jam tangan anda secara automatik. Maklumat QuickGPSfix sah selama tiga hari selepas dimuat turun.

Simbol ini digunakan untuk menunjukkan status QuickGPSfix:



QuickGPSfix pada jam tangan anda adalah terkini.



QuickGPSfix pada jam tangan anda sudah lapuk. Jika maklumat QuickGPSfix pada jam tangan anda sudah lapuk, jam tangan anda masih berfungsi seperti biasa. Walau bagaimanapun, masa yang lebih lama mungkin diperlukan untuk mendapatkan tetapan GPS apabila anda ingin [bermain satu pusingan golf](#).

- **Versi** - nombor versi perisian dan nombor siri jam tangan anda. Anda mungkin memerlukan maklumat ini jika anda menghubungi Sokongan Pelanggan. Setiap kali anda menyambungkan jam tangan anda kepada komputer, TomTom MySports Connect menyemak sama ada kemas kini perisian tersedia untuk jam tangan anda.

## Melakukan set semula

### Set semula lembut

Set semula lembut dilakukan setiap kali anda memutuskan sambungan jam tangan anda daripada pengecas dinding atau komputer.

Untuk melakukan set semula lembut pada jam tangan anda, ikuti langkah berikut:

1. Sambung jam tangan anda kepada pengecas dinding atau komputer.  
Tunggu sehingga jam tangan anda menunjukkan simbol bateri.  
Jika anda menggunakan komputer, tunggu sehingga MySports Connect selesai mengemas kini jam tangan anda.
2. Putuskan sambungan jam tangan anda daripada pengecas dinding atau komputer.  
Perisian pada jam tangan anda akan bermula semula. Ini melakukan set semula lembut pada jam tangan anda.

### Mod pemulihan

Sebelum anda melakukan set semula tetapan kilang pada jam tangan anda, anda harus cuba mengemas kini perisian jam tangan menggunakan mod pemulihan. Mod pemulihan membolehkan anda memasang semula perisian pada jam tangan anda tanpa memadamkan sebarang data peribadi dan tetapan.

Untuk melakukan tetapan semula pada jam tangan anda menggunakan mod pemulihan, ikuti langkah berikut:

1. Sambung jam tangan anda kepada komputer dan tunggu sehingga MySports Connect selesai mengemas kini jam tangan anda.
2. Pada jam tangan anda, gerak ke Bawah tetapi jangan lepaskan butang.\*
3. Tanggalkan kabel USB daripada komputer anda.\*

4. Teruskan menekan butang sehingga jam tangan anda menunjukkan jam tangan disambungkan dengan komputer dan [tomtom.com/reset](http://tomtom.com/reset).
5. Lepaskan butang dan sambung kabel USB kepada komputer anda.
6. Klik **Kemas Kini** dalam MySports Connect.

\* Jika port USB pada komputer anda tidak mudah diakses, sambungkan dok kepada komputer tanpa jam tangan. Kemudian gerak ke bawah daripada skrin jam ketika anda meluncurkan jam tangan ke dalam dok.

### Set semula tetapan kilang

---

**Penting:** Set semula tetapan kilang akan membuang semua balapan golf dan tetapan daripada jam tangan anda kemudian memasang semula perisian. Untuk memasang semula balapan golf selepas set semula, sambungkan jam tangan anda pada komputer dan ikut arahan untuk membuat akaun MySports. Jika anda tidak mahu melakukan set semula tetapan kilang sekarang, pilih Batal dan kemudian pilih Kemas Kini.

---

Anda seharusnya menggunakan set semula tetapan kilang sebagai jalan terakhir untuk memulihkan jam tangan anda atau jika anda benar-benar mahu membuang semua data dan tetapan anda.

Set semula tetapan kilang akan memasang semula perisian pada jam tangan anda dan ini akan membuang maklumat berikut:

- Balapan golf anda.
  - Sejarah skor anda.
  - Tetapan anda pada jam tangan.
- 

**Penting:** Apabila anda melakukan set semula tetapan kilang, jangan putus sambungan jam tangan anda sebelum MySports Connect selesai memulihkan jam tangan anda. Proses pemasangan perisian pada jam tangan anda akan mengambil masa beberapa minit. Kemudian, anda perlu menyediakan jam tangan anda dalam MySports Connect sebelum anda boleh memasangkan balapan golf sekali lagi. Semak sebarang mesej yang ditunjukkan dalam MySports Connect dan pada jam tangan anda sebelum anda memutuskan sambungan jam tangan anda.

---

Untuk melakukan set semula tetapan kilang pada jam tangan anda, ikuti langkah berikut:

1. Sambung jam tangan anda kepada komputer dan tunggu sehingga MySports Connect selesai mengemas kini jam tangan anda.
2. Kembangkan **TETAPAN** dalam MySports Connect.
3. Klik **SET SEMULA TETAPAN KILANG** pada bahagian bawah MySports Connect. MySports Connect memuat turun versi terkini perisian untuk jam tangan anda.
4. Pastikan jam tangan anda disambungkan apabila tetingkap bagi MySports Connect ditutup. MySports Connect memasang perisian pada jam tangan anda.
5. Pastikan jam tangan anda disambungkan apabila tetingkap untuk MySports Connect terbuka sekali lagi.
6. Ikut arahan dalam MySports Connect untuk persediaan jam tangan anda.

# Bermain satu pusingan golf

---

## Mula Pantas: Memukul lubang pertama

Untuk memukul lubang pertama, sila lakukan perkara berikut:

1. Daripada skrin Jam, gerak ke Kanan.  
Jam tangan anda menunjukkan **Sila tunggu**. Apabila GPS ditetapkan, anda akan melihat senarai balapan golf yang berdekatan.
2. Gerak ke Atas atau Bawah untuk memilih balapan kemudian gerak ke Kanan untuk memulakan satu pusingan.
3. Lubang pertama ditunjukkan dan anda akan melihat maklumat berikut pada skrin julat pada jam tangan anda:
  1. Anak panah melengkung menunjukkan sama ada lubang mempunyai jejak liku atau tidak dan arah jejak liku.
  2. Nombor lubang (di sebelah simbol bendera).
  3. Par untuk lubang.
  4. Jarak dari pukulan terakhir anda.
  5. Jarak dari kedudukan anda ke belakang, pusat dan depan kawasan pukulan.

**Perhatian:** Jarak ke pin tidak ditunjukkan kerana kedudukan pin mungkin berbeza-beza untuk setiap hari.

**Petua:** Gerak ke Kanan untuk melihat maklumat lanjut tentang lubang.



4. Buat seberapa banyak latihan pukulan yang anda inginkan.
5. Buat pukulan pertama kemudian jalan ke lokasi bola golf anda.  
Jarak dari pukulan terakhir ditunjukkan.
6. Buat pukulan yang selebihnya untuk lubang ini sehingga bola memasuki lubang.

**Perhatian:** Jika pukulan tidak dikesan secara automatik, tutup skrin dengan tangan anda untuk menambahkan pukulan atau put.

7. Edit skor apabila anda melihat isyarat kad skor atau gerak ke Kanan dua kali untuk mengedit skor semasa anda bermain.
8. Jalan ke lubang kedua. Jam tangan anda mengesan secara automatik apabila anda bergerak ke lubang berikut atau anda boleh gerak ke Atas atau Bawah dari skrin julat untuk bergerak ke lubang kedua secara manual.

## Memilih balapan

**Petua:** Apabila jam tangan anda menunjukkan **Sila tunggu** semasa menunggu QuickGPSFix, anda boleh bergerak ke Bawah untuk melayari balapan baru-baru ini. Jam tangan akan bergetar apabila tetapan ditemui.

Gerak ke Atas atau Bawah dalam menu balapan golf untuk memilih balapan golf.



Gerak ke Kanan apabila anda bersedia untuk mula bermain.

Gerak ke Kiri untuk kembali kepada skrin Jam.

**Perhatian:** Untuk mengetahui sama ada balapan golf anda tersedia pada jam tangan, pergi ke [tomtom.com/en-gb/golf/golf.html](http://tomtom.com/en-gb/golf/golf.html). Halaman tersebut tersedia dalam bahasa Inggeris.

## Mengemas kini maklumat balapan golf

### Kemas kini sekali sahaja untuk bermula menerima kemas kini balapan yang bertambah

Untuk membenarkan jam tangan anda menerima kemas kini yang bertambah, kami mengesyorkan anda memasang semula semua balapan secara global.

Sebelum anda mengemas kini maklumat balapan golf, pastikan anda menggunakan versi aplikasi desktop MySports Connect yang terkini untuk mengemas kini jam tangan anda. Jika anda tidak memasang versi terkini, pautan kemas kini akan ditunjukkan di sebelah versi:

- **Windows:** Klik pada ikon jam tangan pada bahagian pemberitahuan di bahagian bawah kanan desktop anda dan klik Tetapan. Versi akan disenaraikan pada tab Perihal.
- **Mac:** Klik pada ikon jam tangan pada palang status di bahagian atas kanan desktop anda dan klik Tetapan. Versi akan disenaraikan pada tab Perihal.

Untuk mengemas kini maklumat balapan golf pada TomTom Golfer 2 anda, sila ikuti langkah berikut:

1. Sambungkan jam tangan anda pada komputer anda.  
MySports Connect akan memuat turun dan memasang perubahan terbaru pada balapan golf yang anda main baru-baru ini.
2. Dalam MySports Connect, klik **Kemas Kini**.  
MySports Connect akan memuat turun dan memasang versi perisian terkini.
3. Kembangkan **TETAPAN** dalam MySports Connect.
4. Pilih tab **BALAPAN GOLF** dalam MySports Connect dan klik **DAPATKAN PETA BARU**.  
MySports Connect akan memuat turun dan memasang semua balapan secara global.

### Mengemas kini maklumat balapan selepas ini

Anda boleh mengemas kini balapan golf pada TomTom Golfer 2 anda melalui dua cara:

1. [Aplikasi mudah alih TomTom MySports](#)  
Jika anda mempunyai telefon yang serasi, anda boleh menggunakan aplikasi mudah alih TomTom MySports untuk mengemas kini semua balapan golf yang dimainkan baru-baru ini dan balapan dalam julat 1000 meter.
2. [TomTom MySports Connect](#)  
Pada setiap kali anda menyambungkan jam tangan anda pada komputer anda, MySports Connect akan memuat turun dan memasang perubahan terbaru pada balapan golf yang anda main baru-baru ini.  
Jika anda perlu mengemas kini semua balapan golf secara global, contohnya apabila anda merancang untuk perjalanan, kembangkan **TETAPAN** dalam MySports Connect. Pilih tab **BALAPAN GOLF** dan klik **DAPATKAN PETA BARU**.

**Perhatian:** Pemasangan semula semua balapan boleh mengambil masa kira-kira sejam.

## Menjeda, menghentikan dan meneruskan pusingan

### Menjeda dan memulakan semula pusingan golf

Semasa suatu pusingan golf, gerak ke Kiri untuk menghentikan jam dan menjeda pusingan anda.

Untuk meneruskan pusingan anda semula, gerak ke Kanan.

### Menghentikan pusingan golf

Untuk menghentikan pusingan, gerak ke Kiri untuk menjeda kemudian gerak ke Kiri sekali lagi untuk kembali kepada skrin Jam.

### Meneruskan pusingan golf

**Petua:** Anda hanya boleh meneruskan pusingan golf jika sebelum ini anda telah memasukkan sekurang-kurangnya satu nombor pada kad skor anda.

Untuk meneruskan pusingan golf, lakukan perkara berikut:

1. Daripada skrin Jam, gerak ke Kanan dan pilih balapan yang anda main sebelum ini.
2. Gerak ke Kanan untuk kembali kepada skrin Julat.  
Anda akan ditanya sama ada anda ingin meneruskan kad skor anda.
3. Gerak ke Kanan untuk memilih 'ya' atau ke Kiri untuk memilih 'tidak'.

**Perhatian:** Anda boleh meneruskan kad skor untuk tempoh sehingga 24 jam selepas anda menjeda pusingan dan kembali kepada skrin Jam. Kad skor masih disimpan dalam sejarah Skor anda jika anda memilih 'tidak'.

## Melaporkan perubahan balapan

Anda boleh melaporkan perubahan pada balapan golf di sini:

[Melaporkan perubahan pada balapan golf](#)

# Jejak liku

---

## Memahami jejak liku pada jam tangan anda

TomTom Golfer 2 anda boleh menunjukkan sama ada terdapat jejak liku di sesuatu lubang.

Pada jam tangan anda, jejak liku ditunjukkan sebagai ikon anak panah pada skrin julat. Arah yang dituding oleh anak panah menunjukkan sama ada jejak liku melengkung ke kiri atau ke kanan.



Anda boleh memilih untuk membuat pukulan melalui jejak liku atau membuat pukulan layup.

**Perhatian:** Jejak liku ganda tidak disokong oleh TomTom Golfer 2 anda.

## Kedudukan jejak liku di lintasan

TomTom Golfer 2 anda menunjukkan kedudukan jejak liku yang relatif dengan kedudukannya di balapan yang sebenar.

Contohnya, jam tangan di bawah menunjukkan jejak liku di 230 el/meter dari kedudukan semasa anda.



Jarak dari permulaan jejak liku diukur sepanjang garisan tengah balapan.




# Membuat pukulan layup

## Membuat pukulan layup menggunakan jam tangan anda

Skrin layup semasa permainan (lihat di bawah) akan menunjukkan penanda layup di bahagian kiri skrin jam tangan dan jarak semasa anda dari penanda di bahagian kanan skrin jam tangan.

Jadi, apabila anda melihat pada pin, anda boleh melihat jarak di antara kedudukan semasa anda dengan penanda 200, 150 dan 100 ela/meter.

Contohnya, dalam imej berikut, pemain golf berada di kedudukan 236 ela/meter dari penanda layup 200 ela/meter.



Apabila anda berjalan ke arah pin, jarak semasa anda dari penanda L200 pertama di bahagian kanan skrin jam tangan akan berkurangan.

Apabila anda mencapai penanda layup, penanda layup akan hilang daripada skrin.

Jarak lalai dari penanda layup ialah 100, 150 dan 200.

**Perhatian:** Terus bergerak ke Atas untuk melalui skrin Halangan, Layup atau Pandangan hijau bergantung pada pandangan yang sesuai untuk lubang semasa. Pandangan hijau sentiasa ditunjukkan.

**Petua:** Jika isyarat menjadi lemah atau isyarat terputus, nilai julat akan menjadi kelabu dan memaparkan nilai terakhir yang dianggap sebagai baik atau tepat.

Lihat juga: [Layup dan pandangan hijau](#)

### Layup dan pandangan hijau

Apabila anda mendekati kawasan hijau, gerak ke Atas atau Bawah untuk bertukar antara skrin layup dengan pandangan hijau seperti yang ditunjukkan di bawah.



Setelah anda melalui penanda layup terakhir, jam tangan akan menunjukkan pandangan hijau sahaja secara automatik.

Lihat juga: [Mendekati kawasan hijau menggunakan jam tangan anda](#)

# Mendekati kawasan hijau


---

## Mendekati kawasan hijau menggunakan jam tangan anda

Seperti yang ditunjukkan pada contoh di bawah, bentuk kawasan hijau pada jam tangan anda mencerminkan kawasan hijau sebenar yang anda dekati.

Sebarang halangan di sekeliling akan ditunjukkan sebagai corak. Air ditunjukkan sebagai corak gelombang dan bunker ditunjukkan sebagai corak bertitik. Jika halangan air dan pasir berada di kawasan yang sama mengelilingi kawasan hijau, air akan diutamakan dan corak air akan ditunjukkan di atas corak pasir.

Jarak ke bahagian pusat kawasan hijau akan ditunjukkan dan menggambarkan nilai tengah pada skrin julat.



Lihat juga: [Layup dan pandangan hijau](#)

## Layup dan pandangan hijau

Apabila anda mendekati kawasan hijau, gerak ke Atas atau Bawah untuk bertukar antara skrin layup dengan pandangan hijau seperti yang ditunjukkan di bawah.



Setelah anda melalui penanda layup terakhir, jam tangan akan menunjukkan pandangan hijau sahaja secara automatik.

Lihat juga: [Mendekati kawasan hijau menggunakan jam tangan anda](#)


# Halangan

---

## Memahami halangan pada jam tangan anda

TomTom Golfer 2 anda boleh menunjukkan kepada anda halangan air atau bunker yang berdekatan dalam lingkungan 300 meter (328 ela).

Pada jam tangan anda, halangan ditunjukkan sebagai corak air atau pasir, di sebelah ukuran jarak ke lubang, seperti 293 (belakang) dan 278 (hadapan) sebagaimana yang ditunjukkan di bawah.



## Kedudukan halangan di lintasan

TomTom Golfer 2 anda menunjukkan kedudukan halangan yang relatif dengan kedudukannya di balapan yang sebenar.

Contohnya, jam tangan di bawah menunjukkan [bunker](#) di kedudukan kira-kira 220 ela/meter di bahagian kanan dan [halangan air](#) di kedudukan 275 ela/meter terus di hadapan yang anda perlu memukul bola melaluinya - dengan lebar kira-kira 15 ela/meter.



Jika tiada halangan di sesuatu lubang atau anda telah melalui halangan tersebut, anda akan melihat tanda rait di bahagian tengah skrin Halangan.

**Perhatian:** Jika tiada maklumat yang tersedia untuk halangan di sesuatu lubang, anda akan melihat mesej yang menyatakan **Tiada maklumat**.

### Menzum ke dalam halangan

TomTom Golfer 2 anda menunjukkan kedudukan halangan yang relatif dengan kedudukannya di balapan yang sebenar.



Untuk melihat butiran lanjut tentang halangan di hadapan anda buat masa ini, sila lakukan perkara berikut:

1. Pergi ke skrin Halangan.
2. Tutup skrin TomTom Golfer 2 anda menggunakan tangan anda seperti cara anda menghidupkan [cahaya belakang](#).

Anda akan melihat pandangan zum masuk bagi halangan yang terdapat di bahagian tengah skrin buat masa ini, menunjukkan jarak yang tepat dan butiran lanjut.



3. Untuk menzum keluar, tutup skrin dengan tangan anda sekali lagi.

**Petua:** Anda tidak akan melihat jejak liku pada skrin Halangan yang dizum masuk.

# Mencatatkan skor

## Mencatatkan skor menggunakan jam tangan anda

Selepas bermain di satu lubang, gerak ke Kanan sehingga anda melihat skrin kad skor. Kad skor digunakan untuk mencatatkan skor anda bagi setiap lubang dan juga menunjukkan jumlah skor setakat yang dimainkan bagi sesuatu pusingan.

**Petua:** Untuk menghidupkan prom bagi skor anda sebelum anda bergerak ke lubang berikut, gerak ke Bawah untuk membuka menu **Tetapan** daripada skrin Jam, kemudian pilih **Pilihan** dan gerak ke Kanan, pilih **Lubang**. Pilih **HIDUP+SKR**.



1. Skor anda relatif kepada par untuk pusingan tersebut.  
"E" bermaksud setiap par bagi lubang. Tanda tambah (+) bermaksud melebihi par dan tanda tolak (-) bermaksud kurang daripada par.
2. Nombor pengenalan lubang, contoh di sini menunjukkan pemain golf berada di lubang pertama.
3. Par untuk lubang. Contohnya, lubang pertama yang ditunjukkan di atas ialah par 5.
4. Jumlah bilangan pukulan yang dibuat setakat yang dimainkan untuk sesuatu pusingan. Dalam contoh ini, pemain golf telah bermain satu lubang dan membuat 5 pukulan, jadi jumlah setakat yang dimainkan untuk pusingan tersebut juga merupakan 5 pukulan.
5. Bilangan pukulan bagi lubang yang baru sahaja dimainkan.  
Masukkan skor untuk sesuatu lubang dengan bergerak ke Atas dan Bawah sehingga mencapai bilangan pukulan yang anda buat bagi lubang tersebut ditunjukkan.

**Perhatian:** Jika anda memukul bola ke [luar kawasan](#) atau ke dalam lubang sebelah secara silap, anda cuma perlu mencatatkan pukulan tambahan pada jam tangan anda sebagai sebahagian daripada jumlah bagi lubang tersebut selepas anda melengkapkan lubang tersebut. Untuk mencatatkan pukulan tambahan, tutup skrin dengan tangan anda apabila anda berada pada skrin Julat atau Kad Skor.

Lihat juga: [Melihat skor sebelumnya](#)



## Melihat skor sebelumnya

1. Gerak ke Atas daripada skrin Jam untuk melihat skor daripada pusingan anda yang sebelumnya.



Anda akan melihat tarikh pusingan baru-baru ini anda disertakan skor keseluruhan bagi pusingan tersebut, seperti contoh yang ditunjukkan di atas, 3 par kurang, 2 par kurang, atau par seri.

2. Gerak ke Atas dan Bawah untuk memilih pusingan sebelumnya untuk melihat butiran lanjut, kemudian gerak ke Kanan.

Anda akan melihat nama balapan yang anda main.

3. Gerak ke Kanan untuk melihat par dan jumlah skor bagi pusingan tersebut, dibahagikan kepada 9 lubang hadapan dan 9 lubang belakang, seperti yang ditunjukkan di bawah.



4. Gerak ke Kanan untuk melihat skor bagi setiap lubang pada pusingan sebelumnya.
5. Gerak ke Kiri untuk kembali kepada nama balapan.

**Petua:** Anda boleh menyimpan sehingga 250 kad skor yang dilengkapkan pada jam tangan dan maklumat ini termasuklah skor keseluruhan dan skor setiap lubang bagi setiap pusingan.

# Pengesanan pukulan auto

---

## Perihal pengesanan pukulan auto

Jam tangan anda akan membuat catatan secara automatik apabila anda membuat pukulan dan memaklumi anda melalui getaran dan menunjukkan isyarat.



Jam tangan bergetar sebab jika anda menjeda pada posisi gerak lajak selama 4-5 saat selepas membuat pukulan anda, anda mungkin terlepas pandang isyarat.

**Perhatian:** Anda boleh membuat beberapa pukulan latihan tanpa menjejaskan kad skor anda kerana hanya satu pukulan akan ditambahkan pada kad skor dari setiap lokasi. Jika anda perlu menambahkan lebih banyak pukulan, contohnya atas sebab pukulan penalti, anda boleh mencatatkan pukulan secara manual dengan menutup skrin menggunakan tangan anda.

**Penting:** Semua put perlu dicatatkan secara manual. Lihat: [Mencatatkan pukulan secara manual](#).

---

## Mencatatkan pukulan secara manual

Pada sekali-sekala, [pengesanan pukulan auto](#) mungkin tidak mencatatkan pukulan dan dalam situasi ini, anda boleh mencatatkan pukulan secara manual. Selain itu, semua put perlu dicatatkan secara manual.

Untuk mencatatkan pukulan secara manual, tutup skrin jam tangan anda menggunakan tangan anda.

Apabila anda mencatatkan secara manual pukulan di kawasan hijau, pukulan tersebut akan dicatatkan sebagai putt.



**Perhatian:** Anda boleh membuat beberapa pukulan latihan tanpa menjejaskan kad skor anda.

Lihat: [Perihal pengesanan pukulan auto.](#)

# Tetapan

---

## Perihal tetapan

Daripada skrin Jam, gerak ke Bawah untuk membuka menu **Tetapan**. Tetapan ini menentukan kelakuan keseluruhan jam tangan anda.

Tetapan berikut tersedia untuk jam tangan anda:

- [Perihal](#)
- [Jam](#)
- [Telefon](#)
- [Mod penerbangan](#)
- [Pilihan](#)
- [Profil](#)
- [Standard](#)

## Perihal

Daripada skrin Jam, gerak ke bawah untuk membuka menu **Tetapan**, kemudian pilih **Perihal** dan gerak ke Kanan untuk membuka menu **Status Jam Tangan**.

Lihat [Status jam tangan](#) untuk melihat perihalan maklumat pada skrin ini.

## Jam

Daripada skrin Jam, gerak ke bawah untuk membuka menu **Tetapan**, kemudian pilih **Jam** dan gerak ke Kanan untuk membuka menu **Jam**.

### Penggera

Pilih **Penggera** untuk menghidupkan dan mematikan penggera dan untuk menetapkan masa penggera.

Apabila penggera dimatikan, gerak ke Kiri untuk menghentikannya atau ke Kanan untuk menanggukannya. Jika anda menangguhkan penggera, ia akan berbunyi lagi dalam masa 9 minit.

### Masa

Pilih **Masa** untuk menetapkan masa pada jam tangan anda. Masa ditetapkan sama ada menggunakan masa 12 atau 24 jam, bergantung pada tetapan untuk **24 JAM**.

### Tarikh

Pilih **Tarikh** untuk menetapkan tarikh pada jam tangan anda.

### 24 JAM

Pilih **24 JAM** untuk bertukar antara menggunakan masa 12 jam dan masa 24 jam untuk dipaparkan dan menetapkan masa. Gerak ke Kanan untuk bertukar antara **HIDUP** dan **MATI** bagi tetapan ini.

## Telefon

Aplikasi mudah alih TomTom MySports membenarkan anda memuat naik data aktiviti sukan anda secara automatik daripada TomTom Golfer 2 anda kepada TomTom MySports menggunakan telefon pintar anda. Selain itu, aplikasi tersebut akan memuat turun data QuickGPSFix pada jam tangan anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang sebab anda perlu memasang jam tangan anda dengan telefon atau peranti mudah alih anda, lihat Aplikasi TomTom MySports.

Untuk membuat jam tangan anda berpasangan dengan telefon atau peranti mudah alih, lakukan yang berikut:

1. Pastikan telefon anda atau peranti mudah alih berada berhampiran.
2. Pada telefon anda, pastikan Bluetooth didayakan.
3. Daripada skrin jam pada jam tangan anda, gerak ke bawah untuk membuka skrin **Tetapan**, kemudian pilih **Telefon** dan gerak ke kanan.
4. Gerak ke kanan untuk memulakan perpasangan.
5. Pada telefon anda, mulakan aplikasi MySports Connect dan ketik untuk membuat sambungan.



6. Apabila nama jam tangan anda muncul, ketik padanya.
7. Pada telefon anda, masukkan nombor pin yang ditunjukkan pada jam tangan, kemudian ketik **Pasangkan**.

Jam tangan anda kini dipasangkan dengan telefon anda atau peranti mudah alih.

Apabila selesai dipasang, anda akan melihat mesej "Disambungkan" pada jam tangan anda.



Selagi aplikasi mudah alih anda aktif atau berjalan di latar belakang pada telefon anda atau peranti mudah alih, jam tangan secara automatik cuba menyambungkan apabila terdapat aktiviti baru untuk dimuat naik atau apabila data QuickGPSfix sudah lapuk.

Jika anda membuka aplikasi MySports pada telefon anda dan aplikasi ini cuba untuk menyambungkan kepada jam tangan, anda mungkin perlu bangunkan jam tangan anda dengan keluar daripada skrin jam. Gerak ke bawah, kiri atau kanan daripada skrin jam.

#### **Menyegerakkan maklumat balapan**

Anda boleh menyegerakkan maklumat balapan golf secara automatik dengan akaun TomTom MySports anda menggunakan tetapan ini.

Daripada skrin jam pada jam tangan anda, gerak ke bawah untuk membuka skrin **Tetapan**, kemudian pilih **Telefon** dan gerak ke kanan.

Pilih **Segerak**. Jika muat naik automatik ditetapkan kepada **MATI** pada masa ini, gerak ke atas atau ke bawah untuk menghidupkan muat naik automatik.

## Mod penerbangan

Daripada skrin Jam pada jam tangan anda, gerak ke Bawah untuk membuka skrin **Tetapan**, pilih **Mod penerbangan** kemudian gerak ke Kanan.



Gerak ke Atas atau Bawah untuk menghidupkan mod penerbangan atau pesawat.

Apabila mod penerbangan dihidupkan, ikon pesawat akan ditunjukkan pada skrin jam dan semua ketersambungan tenaga rendah Bluetooth (juga dikenali sebagai BLE atau Bluetooth® Smart) akan dinyahdayakan.

Untuk mematikan mod penerbangan, gerak ke Atas atau Bawah sekali lagi.

## Pilihan

Daripada skrin Jam, gerak ke Bawah untuk membuka menu **Tetapan**, kemudian pilih **Pilihan** dan gerak ke Kanan untuk membuka menu **Pilihan**.

### Lubang

Pilih **Lubang** untuk menetapkan sama ada jam tangan anda akan mara ke lubang berikut secara automatik dan sama ada anda ingin menerima prom untuk memasukkan skor anda. Anda boleh memilih daripada pilihan berikut:

- **HIDUP** - Jam tangan anda akan mara ke lubang berikut secara automatik selepas anda melengkapkan lubang yang sedang anda main.
- **MATI** - Mara ke lubang berikut secara automatik dimatikan.
- **HIDUP+SKR** - Mara ke lubang berikut secara automatik dihidupkan dan jam tangan anda juga meminta anda memasukkan skor anda sebelum anda bergerak ke lubang berikut di balapan.

### Unit

Pilih **Unit** untuk menetapkan unit jarak dan berat yang digunakan pada jam tangan anda. Anda boleh memilih mana-mana gabungan ela atau meter dan paun atau kilogram.

### Klik

Pilih **Klik** untuk menetapkan perkara yang akan dilakukan oleh jam tangan anda apabila anda melalui menu. Jam tangan anda boleh melakukan perkara berikut:

- Membuat bunyi klik.
- Bergetar/berdengung untuk tempoh masa pendek.

Anda boleh mematikan atau menghidupkan kedua-dua pilihan atau hanya menghidupkan salah satu pilihan.

## Profil

Daripada skrin Jam pada jam tangan anda, gerak ke bawah untuk membuka menu **Tetapan**, kemudian pilih **Profil** dan gerak ke kanan untuk membuka menu **Profil**.

Pilih pilihan berikut untuk menetapkan butiran anda dalam setiap kes:

- **Bahasa**
- **Berat**
- **Tinggi**
- **Umur**
- **Jantina**

Jantina digunakan oleh TomTom Golfer 2 apabila bermain di lubang yang mungkin mempunyai nilai par yang berlainan untuk lelaki dan wanita. Contohnya, sesuatu lubang boleh merupakan par 5 untuk wanita dan par 4 untuk lelaki.

## Bahasa

Pilih **Bahasa** untuk menetapkan bahasa yang digunakan bagi menu dan mesej pada jam tangan anda.

## Standard

Daripada skrin Jam, gerak ke Bawah untuk membuka menu **Tetapan**, kemudian pilih **Standard** dan gerak ke Kanan untuk menatal melalui sijil produk khusus negara.




# Akaun TomTom MySports

---

Akaun TomTom MySports anda ialah lokasi storan pusat untuk semua maklumat sukan anda.

Untuk mencipta akaun, klik butang dalam TomTom MySports Connect, atau tuju ke laman web: [mysports.tomtom.com](http://mysports.tomtom.com)

Seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah di bawah, anda boleh menguruskan akaun MySports anda sama ada menggunakan TomTom MySports Connect atau aplikasi TomTom MySports.




# Aplikasi mudah alih TomTom MySports

Anda boleh memuat turun aplikasi TomTom MySports secara percuma daripada App Store anda atau dengan pergi ke [tomtom.com/app](http://tomtom.com/app).

Aplikasi mudah alih TomTom MySports melakukan perkara berikut:

- Menunjukkan analisis pukulan, pusingan terbaik anda dan taburan atau corak pukulan anda kepada anda.
- Mengemas kini maklumat balapan golf.
- Mengemas kini maklumat QuickGPSfix pada jam tangan anda.
- Menyediakan cara alternatif kepada TomTom MySports Connect untuk mengemas kini QuickGPSFix.



Telefon dan peranti mudah alih yang disokong

iOS

Aplikasi TomTom MySports serasi dengan iOS 7.1 dan lebih baru pada peranti yang didayakan Bluetooth Smart berikut:

- iPhone 5 atau lebih baru.
- iPod touch 5th generation atau lebih baru.
- iPad Pro, iPad Air.
- iPad 3rd generation atau lebih baru.
- Semua iPad mini.

## **Android**

Aplikasi TomTom MySports memerlukan Bluetooth Smart (atau Bluetooth LE) dan Android 4.3 atau lebih baru untuk berkomunikasi dengan jam tangan anda. Pelbagai peranti Android yang didayakan Bluetooth Smart telah diuji untuk mengesahkan keserasian dengan aplikasi MySports. Semak keserasian telefon anda dengan aplikasi MySports dengan melawati [Google Play Store](#).

# TomTom MySports Connect

---

TomTom MySports Connect melakukan perkara berikut:

- Membantu anda menyediakan jam tangan anda.
- Mengemas kini perisian pada jam tangan anda apabila versi baru tersedia.
- Mengemas kini maklumat balapan golf pada jam tangan anda.
- Memindahkan sebarang tetapan yang anda buat di TomTom MySports pada jam tangan anda.
- Mengemas kini maklumat QuickGPSfix pada jam tangan anda.

## **Memasang TomTom MySports Connect**

Anda boleh memuat turun TomTom MySports Connect secara percuma dari sini: [tomtom.com/123/](http://tomtom.com/123/)

Setelah dipasang, sambungkan jam tangan anda kepada komputer menggunakan [dok USB](#).

# Glosari Istilah

---

## P

### Pengesanan pukulan auto

Jam tangan anda akan membuat catatan secara automatik untuk satu pukulan di setiap lokasi dan memaklumi anda melalui getaran dan menunjukkan isyarat. Jika anda membuat pukulan latihan dalam lingkungan 15 meter di sesuatu lokasi, jam tangan anda tidak akan menambahkan pukulan tambahan jadi tidak akan bergetar.

## B

### Bunker

Bunker ialah lubang bersisi curam atau lubang cetek berdekatan kawasan hijau atau lintasan yang biasanya dipenuhi pasir. Bermain bola di kawasan berpasir adalah lebih sukar daripada kawasan rumput dan kadangkala bunker mempunyai bonggol yang menyukarkan anda memukul bola keluar dari bunker.

## H

### Halangan

Halangan ialah kawasan di balapan golf yang terdapat halangan sukar yang perlu ditangani oleh pemain golf. Balapan boleh mempunyai halangan air seperti tasik dan sungai, halangan buatan manusia seperti bunker dan halangan semula jadi seperti pokok atau tumbuh-tumbuhan yang tebal.

Banyak pemain golf rekreasi menggunakan istilah "halangan" untuk merujuk apa-apa sahaja di balapan golf yang akan menjejaskan skor pemain seperti rumput yang tebal atau pokok yang tinggi di lintasan.

### Halangan air

Halangan air biasanya merupakan halangan semula jadi yang meningkatkan kesukaran balapan golf. Akan tetapi, di balapan yang baru halangan ini boleh dibuat oleh manusia. Halangan air biasanya merupakan sungai atau kolam yang terletak di sebelah lintasan atau merentasi lintasan, memaksa pemain memukul bola melalui halangan air.

## J

### Jejak liku

Setengah lubang direka bentuk secara sengaja tanpa garis penglihatan dari ti ke kawasan hijau. Lubang sama ada boleh melengkung ke kiri atau ke kanan dan lengkung ini dipanggil "jejak liku" atas sebab bentuk yang serupa dengan buku lali anjing.

## K

### Kawasan hijau

Kawasan hijau atau kawasan hijau put ialah kawasan dengan rumput dipotong rapi yang mengelilingi lubang atau pin. Sasaran utama dalam permainan golf adalah memukul bola untuk memasuki lubang dengan bilangan pukulan yang sekurang mungkin.

## **L**

### **Luar kawasan**

"Luar kawasan" bermaksud semua bola anda dipukul ke luar sempadan balapan golf atau mana-mana bahagian balapan. Sempadan balapan golf ditandakan oleh jawatankuasa yang mengendalikan pertandingan atau balapan golf.

Biasanya, jika bola anda dipukul ke luar kawasan, anda perlu memukul bola tersebut, dengan dikenakan penalti satu pukulan, sedekat mungkin di titik yang bola asal terakhir dipukul. Walau bagaimanapun, anda seharusnya merujuk peraturan untuk balapan anda.

## **M**

### **Membuat pukulan layup**

Pukulan layup dilakukan dari lintasan selepas pukulan pertama. Akan tetapi, oleh sebab terdapat halangan, anda perlu membuat pukulan yang lebih pendek daripada biasa atau pukulan yang lebih tepat. Tindakan ini dipanggil layup.

Biasanya, anda membuat pukulan layup untuk mengelakkan bola dipukul ke arah halangan di lintasan atau meletakkan bola di kedudukan yang lebih bagus di lintasan untuk pukulan berikut.

## **P**

### **Par**

Nilai par untuk balapan golf ialah bilangan pukulan pratentu yang perlu dibuat oleh pemain golf dengan nilai handikap sifar untuk bermain satu lubang, satu pusingan (jumlah par untuk lubang yang dimainkan) atau satu pertandingan (jumlah par bagi setiap pusingan).

Skor pemain golf akan dibandingkan dengan skor par. Jika sesuatu balapan mempunyai par 72 dan pemain golf membuat 76 pukulan untuk melengkapkan balapan, skor yang dilaporkan ialah +4 atau empat melebihi par, empat pukulan lebih daripada par dibuat untuk melengkapkan balapan. Jika pemain golf membuat 69 pukulan, skor yang dilaporkan ialah -3 atau tiga kurang daripada par.

### **Penanda layup**

Penanda layup menunjukkan jarak semasa anda dari lubang. Contohnya, jika anda melihat L100, 223, maksudnya anda berada di kedudukan 223 ela/meter dari penanda 100 ela/meter.

Penanda L100 ialah 100 ela/meter dari pin.

Apabila anda mencapai penanda layup, penanda layup akan hilang daripada skrin.

### **Permainan medal**

TomTom Golfer 2 anda boleh digunakan untuk permainan pukulan biasa yang juga dikenali sebagai permainan medal. Permainan ini melibatkan pengiraan jumlah bilangan pukulan yang dibuat pada setiap lubang dalam satu pusingan atau satu siri pusingan. Pemenang ialah pemain yang membuat pukulan yang paling minimum dalam satu pusingan atau satu siri pusingan.

### **Permainan pukulan biasa**

TomTom Golfer 2 anda boleh digunakan untuk permainan pukulan biasa yang juga dikenali sebagai permainan medal. Permainan ini melibatkan pengiraan jumlah bilangan pukulan yang dibuat pada setiap lubang dalam satu pusingan atau satu siri pusingan. Pemenang ialah pemain yang membuat pukulan yang paling minimum dalam satu pusingan atau satu siri pusingan.

# Tambahan

---

## Amaran


Sentiasa berunding dengan pakar perubatan sebelum memulakan program senaman baru. Penggunaan produk ini semasa bermain golf mungkin mengganggu tumpuan anda terhadap suasana sekeliling.

## Bagaimana TomTom menggunakan maklumat anda

Maklumat mengenai penggunaan maklumat peribadi boleh didapati di [tomtom.com/privacy](https://www.tomtom.com/privacy).

## Maklumat Bateri dan Alam Sekitar

Produk ini menggunakan bateri polimer litium yang tidak boleh diakses atau digantikan oleh pengguna. Jangan buka bekas atau (cuba) mengeluarkan bateri. Bahan di dalam produk dan/atau bateri boleh membahayakan alam sekitar atau kesihatan anda jika dibuang secara tidak betul. Bateri yang terkandung di dalam produk mesti dikitar semula atau dibuang dengan betul mengikut undang-undang dan peraturan tempatan dan sentiasa diasingkan daripada bahan buangan domestik.



## Arahan WEEE

Simbol tong wheelie pada produk atau pembungkusannya menandakan bahawa produk ini tidak boleh dianggap sebagai bahan buangan rumah kediaman. Selari dengan Arahan EU 2012/19/EU untuk bahan buangan peralatan elektrik dan elektronik (WEEE), produk elektrik ini tidak boleh dibuang sebagai bahan buangan perbandaran yang tidak diasingkan. Sila buang produk ini dengan mengembalikannya kepada tempat pembelian atau kepada pusat pengumpulan perbandaran anda untuk kitar semula. Dengan melakukan ini, anda membantu memelihara alam sekitar.



## Suhu pengendalian bateri

Suhu pengendalian: -20°C (-4°F) hingga 60°C (140°F). Jangan dedahkan kepada suhu yang melebihi had ini.

## Arahan R&TTE

Dengan ini, TomTom mengesahkan bahawa produk dan aksesori TomTom mematuhi keperluan-keperluan asas dan peruntukan-peruntukan berkaitan lain bagi Peraturan Arahan Kesatuan Eropah 1999/5/EC. Akaun pematuhan boleh didapati di sini: [www.tomtom.com/legal](https://www.tomtom.com/legal).



Logo Triman



Maklumat FCC untuk pengguna



PERANTI INI MEMATUHI BAHAGIAN 15 PERATURAN FCC

### **Kenyataan Majlis Komunikasi Persekutuan (Federal Communications Commission - FCC)**

Peralatan ini memancarkan tenaga frekuensi radio dan jika tidak digunakan dengan betul, - iaitu, mengikut arahan dalam manual ini dengan tepat - boleh menyebabkan gangguan kepada komunikasi radio dan penerimaan televisyen.

Operasi tertakluk pada dua syarat berikut: (1) peranti ini tidak akan menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan operasi yang tidak diingini.

Peranti ini telah diuji dan didapati mematuhi had untuk peranti digital Kelas B, menurut bahagian 15 peraturan FCC. Had ini dirangka untuk memberi perlindungan yang munasabah daripada gangguan yang berbahaya dalam pemasangan di kawasan tempat tinggal. Peralatan ini menjana, menggunakan dan memancarkan tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan mengikut arahan, boleh menyebabkan gangguan berbahaya kepada komunikasi radio. Bagaimanapun, tiada jaminan bahawa gangguan tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini tidak menyebabkan gangguan berbahaya kepada penerimaan radio atau televisyen, yang dapat ditentukan dengan mematikan dan menghidupkan peralatan, pengguna digalakkan untuk cuba membetulkan gangguan itu dengan satu atau lebih langkah-langkah berikut:

- Orientasikan semula atau pindahkan antena penerima.
- Tingkatkan jarak pemisah di antara peralatan dan penerima.
- Sambungkan peralatan kepada alur keluar pada litar yang berlainan daripada yang bersambung kepada penerima.
- Rujuk penjual atau juruteknik radio/TV yang berpengalaman untuk mendapatkan bantuan.

Perubahan atau ubahsuaian yang tidak diluluskan dengan nyata oleh pihak yang bertanggungjawab untuk pematuhan boleh membatalkan hak pengguna untuk mengendalikan peralatan ini.

ID FCC: S4L4REM

ID IC: 5767A-4REM

### **Kenyataan Pendedahan Sinaran FCC RF**

Pemancar di dalam peranti ini tidak boleh diletakkan bersama atau beroperasi bersama dengan sebarang antena atau pemancar lain.

### **Pihak bertanggungjawab di Amerika Utara**

TomTom, Inc., 2400 District Avenue, Suite 410, Burlington, MA 01803

Tel: 866 486-6866 opsyen 1 (1-866-4-TomTom)



### **Maklumat emisi untuk Kanada**

Operasi tertakluk pada dua syarat berikut:

- Peranti ini tidak menyebabkan gangguan.
- Peranti ini mesti menerima sebarang gangguan termasuk gangguan yang boleh menyebabkan operasi yang tidak diingini.

Operasi tertakluk pada keadaan bahawa peranti ini tidak menyebabkan gangguan berbahaya.

Alat digital Kelas B ini mematuhi ICES-003 Kanada. CAN ICES-3(B)/NMB-3(B)

Ciri Pilihan Kod Negara dinyahdayakan untuk produk yang dipasarkan di AS atau Kanada.

Alat disahkan mematuhi keperluan RSS-210 untuk 2.4-GHz.

### **NOTA PENTING**

Kenyataan Pendedahan Sinaran IC:

- Peralatan ini mematuhi had pendedahan sinaran IC RSS-102 yang ditetapkan untuk persekitaran tanpa kawalan.
- Peranti ini dan antenanya tidak boleh diletakkan bersama atau beroperasi bersama dengan sebarang antena atau pemancar lain.

Peralatan ini mematuhi had pendedahan sinaran IC yang ditetapkan untuk persekitaran tanpa kawalan. Pengguna akhir mesti mengikuti arahan pengendalian tertentu bagi memuaskan pematuhan pendedahan RF. Untuk mengekalkan keperluan pematuhan pendedahan IC RF, sila ikuti arahan pengendalian seperti yang didokumenkan dalam manual ini.

### **Tanda Pematuhan Peraturan**



Produk ini memaparkan Tanda Pematuhan Peraturan (RCM) untuk menunjukkan bahawa ia mematuhi peraturan Australia yang berkaitan.

### **Notis untuk New Zealand**


Produk ini memaparkan R-NZ dan kod pembekal Z-1230 untuk menunjukkan pematuhan terhadap peraturan New Zealand yang berkaitan.

### **Talian sokongan pelanggan (Australia dan New Zealand)**

Australia: 1300 135 604

New Zealand: 0800 450 973

### **Standard IDA (Singapura)**




### Notis bagi Afrika Selatan

Produk ini memaparkan logo ICASA untuk menunjukkan ia mematuhi semua pensijilan peralatan radio Afrika Selatan yang berkaitan.



### Notis bagi Emiriah Arab Bersatu



### Maklumat pensijilan untuk pengguna

Untuk melihat maklumat pensijilan pada jam tangan anda, bergerak ke bawah dari skrin jam untuk membuka menu Tetapan. Pilih Standard dan kemudian bergerak ke kanan untuk menatal melalui maklumat pensijilan.

### Nama model

4REM

### Dokumen ini

Penyediaan manual ini dilakukan dengan penuh teliti. Pembangunan produk yang tidak putus-putus bermakna sesetengah maklumat tidak terkini sepenuhnya. Maklumat dalam dokumen ini tertakluk pada perubahan tanpa notis.

TomTom tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan teknikal atau suntingan atau atas sebarang maklumat yang tertinggal di sini; mahupun atas sebarang kerosakan sampingan atau turutan yang disebabkan oleh pelaksanaan atau penggunaan bahan ini. Dokumen ini mengandungi maklumat yang dilindungi oleh hak cipta. Tiada sebarang bahagian dokumen ini boleh difotostat atau dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada TomTom N.V.

# Notis hak cipta

---

© 2016 TomTom. Hak cipta terpelihara. TomTom dan logo "dua tangan" ialah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar TomTom N.V. atau salah satu subsidiarinya. Sila lihat [tomtom.com/legal](http://tomtom.com/legal) untuk waranti terhad dan perjanjian pengguna akhir yang berkaitan dengan produk ini.

© 1992 - 2016 TomTom. Hak cipta terpelihara. Bahan ini adalah proprietari dan tertakluk pada perlindungan hak cipta dan/atau perlindungan hak pangkalan data dan/atau hak milik intelektual yang dimiliki oleh TomTom atau pembekalnya. Penggunaan bahan ini tertakluk pada terma perjanjian lesen. Sebarang salinan atau pendedahan yang tidak dibenarkan bagi bahan ini akan menyebabkan liabiliti jenayah dan sivil.

Linotype, Frutiger dan Univers ialah tanda dagangan Linotype GmbH didaftarkan di Pejabat Tanda Dagangan dan Paten A.S. dan boleh didaftarkan dalam bidang kuasa tertentu yang lain.

MHei ialah tanda dagangan The Monotype Corporation dan boleh didaftarkan dalam bidang kuasa tertentu.

Perisian yang disertakan dalam produk ini mengandungi kod AES di bawah Hak Cipta (c) 1998-2008, Brian Gladman, Worcester, UK. Hak cipta terpelihara.

Terma lesen:

Pengagihan semula dan penggunaan perisian ini (dengan atau tanpa perubahan) dibenarkan tanpa bayaran yuran atau royalti dengan syarat berikut dipatuhi:

Pengagihan kod sumber termasuk notis hak cipta di atas, senarai syarat ini dan penafian yang berikut.

Pengagihan binari termasuk notis hak cipta di atas, senarai syarat ini dan penafian yang berikut dalam dokumentasi mereka.

Nama pemegang hak cipta tidak digunakan untuk menyokong produk yang dibina menggunakan perisian ini tanpa kebenaran bertulis yang khusus.